

Syiar Islam dalam amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan ilmu dan kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-167)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2019). "Syiar Islam dalam amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan ilmu dan kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-167)" in *Program Budaya al-Quran*. Siri 30 pada 5hb. September 2019 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-18.

Abstract

Amalan sai di antara bukit Safa dan Marwah merupakan salah satu syiar terpenting amalan Islam pada musim haji dan umrah. Selain itu, salah satu dosa yang tidak terampun dipertegaskan oleh Allah SWT kepada umat manusia ialah menyembunyikan ilmu dan pengetahuan daripada disebarkan dalam kalangan umat manusia. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 158-167) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, syiar Islam dalam amalan sai haji dan umrah; dosa menyembunyikan ilmu dan kebenaran; serta azab sebagai seorang yang derhaka dan kafir kepada Allah SWT. Kata Kunci: Syiar Islam, Sai, Safa, Marwah, Ilmu, Kebenaran, Mati Kafir

References

- 'Abd bin Humaid, Abu Muhammad. 1988. *Al-Muntakhab min Musnad 'Abd bin Humaid*. Sabhi al-Badri Al-Samira'iy & Mahmud Muhammad Khalil Al-Sa'iidi (Ed.). Al-Qahirah: Maktabah al-Sunnah.
- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ayb al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1984. *Musnad al-Shamayyin*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1998. *Tafsir al-Quran al-A'zim (Tabqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)*. Jld. Juz. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Adab Ketika Ditimpa Musibah: Surah al-Baqarah (2: 142-143)*. Kertas Kerja dalam Siri 28: Program Budaya al-Quran, 29hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Adab Ketika Ditimpa Musibah: Surah al-Baqarah (2: 151-157)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019f. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019g. *Islam Agama Semua Umat Dengan Syariat Yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 8hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019h. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat Yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019i. *Jasa Pengorbanan Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 123-129)*. Jld. 1-23. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019j. *Jasa Pengorbanan Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 124-129)*. Kertas Kerja dalam Siri 25: Program Budaya al-Quran, 11hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019k. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-143)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019l. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-150)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 15hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019m. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019n. *Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-162)*. Kertas Kerja dalam Siri 29: Program Budaya al-Quran, 5hb September 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019o. *Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-167)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

SYIAR ISLAM DALAM AMALAN SAI SERTA DOSA MENYEMBUNYIKAN ILMU DAN KEBENARAN: SURAH AL-BAQARAH (2: 158-167)*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Abstrak

Amalan sai di antara bukit Safa dan Marwah merupakan salah satu syiar terpenting amalan Islam pada musim haji dan umrah. Selain itu, salah satu dosa yang tidak terampun dipertegaskan oleh Allah SWT kepada umat manusia ialah menyembunyikan ilmu dan pengetahuan daripada disebar dalam kalangan umat manusia. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 158-167) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, syiar Islam dalam amalan sai haji dan umrah; dosa menyembunyikan ilmu dan kebenaran; serta azab sebagai seorang yang derhaka dan kafir kepada Allah SWT..

Kata Kunci: Syiar Islam, Sai, Safa, Marwah, Ilmu, Kebenaran, Mati Kafir

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾ إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ
وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعِينُونَ ﴿١٥٩﴾ إِلَّا
الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُّوا فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ
كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾ خَالِدِينَ
فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿١٦٢﴾

Maksud: Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara kedua-duanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. (158) Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. (159) Kecuali orang yang bertaubat, dan memperbaiki (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha

*Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 30 di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 5hb. Semptember 2019 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (160) Sesungguhnya orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya. (161) Mereka kekal dalam laknat itu, tidak diringankan azab sengsara dari mereka dan mereka pula tidak diberikan tempoh atau perhatian. (162)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 158-162)

PENGENALAN

Selepas Allah SWT mengajar adab ketika ditimpa musibah (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2019b), Allah SWT menjelaskan pula syiar Islam dalam amalan haji (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019n, 2019o).

Perbincangan tafsiran ayat hanya difokuskan kepada dua kumpulan ayat, iaitu surah al-Baqarah (2: 158) dan surah al-Baqarah (2: 159-162). Pada bahagian akhir perbincangan tafsir terdapat pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsir dan rumusan. Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan ayat al-Quran dalam kertas kerja ini menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999), iaitu tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

Surah al-Baqarah (2: 158)

Allah SWT menjelaskan tentang adab ditimpa musibah, Allah SWT mengingatkan kembali tentang amalan haji dan umrah terpenting dalam syiar Islam, iaitu amalan sai di antara bukit Safa dan Marwah. Firman-Nya:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

Maksud: Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara kedua-duanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. (158)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 158)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/469) ketika membincangkan ayat ini membawa hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 1643):

عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ عُرْوَةُ سَأَلَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فَقُلْتُ لَهَا أَرَأَيْتَ قَوْلَ اللَّهِ تَعَالَى ﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا﴾ فَوَاللَّهِ مَا عَلَى أَحَدٍ جُنَاحٌ أَنْ لَا يَطَّوَّفَ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةَ قَالَتْ بِئْسَ مَا قُلْتَ يَا ابْنَ أُخْتِي إِنَّ هَذِهِ لَوْ كَانَتْ كَمَا أَوْلَتْهَا عَلَيْهِ كَانَتْ لَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ لَا يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَلَكِنَّهَا أَنْزَلَتْ فِي الْأَنْصَارِ كَانُوا قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمُوا يُهْلُونَ لِمَنَاةَ الطَّاغِيَةِ الَّتِي

كَأَنَّهُمْ يَعْبُدُونَهَا عِنْدَ الْمُشَلَّلِ فَكَانَ مِنْ أَهْلِ يَتَحَرَّجُ أَنْ يَطُوفَ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَلَمَّا أَسْلَمُوا سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْ ذَلِكَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا نَتَحَرَّجُ أَنْ نَطُوفَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى ﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ﴾ الْآيَةَ قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا وَقَدْ سَنَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الطَّوْفَ بَيْنَهُمَا فَلَيْسَ لِأَحَدٍ أَنْ يَتْرَكَ الطَّوْفَ بَيْنَهُمَا ثُمَّ أَخْبَرْتُ أَبَا بَكْرٍ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ فَقَالَ إِنَّ هَذَا لَعِلْمٌ مَا كُنْتُ سَمِعْتُهُ وَلَقَدْ سَمِعْتُ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ يَذْكُرُونَ أَنَّ النَّاسَ إِلَّا مَنْ ذَكَرْتُ عَائِشَةَ مِمَّنْ كَانَ يُهْلُ بِمَنَاءَ كَانُوا يَطُوفُونَ كُلُّهُمْ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَلَمَّا ذَكَرَ اللَّهُ تَعَالَى الطَّوْفَ بِالْبَيْتِ وَلَمْ يَذْكُرِ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ فِي الْقُرْآنِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ كُنَّا نَطُوفُ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَإِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الطَّوْفَ بِالْبَيْتِ فَلَمْ يَذْكُرِ الصَّفَا فَهَلْ عَلَيْنَا مِنْ حَرَجٍ أَنْ نَطُوفَ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى ﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ﴾ الْآيَةَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ فَاسْمِعْ هَذِهِ الْآيَةَ نَزَلَتْ فِي الْفَرِيقَيْنِ كِلَيْهِمَا فِي الَّذِينَ كَانُوا يَتَحَرَّجُونَ أَنْ يَطُوفُوا بِالْجَاهِلِيَّةِ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَالَّذِينَ يَطُوفُونَ ثُمَّ تَحَرَّجُوا أَنْ يَطُوفُوا بِهِمَا فِي الْإِسْلَامِ مِنْ أَجْلِ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَمَرَ بِالطَّوْفِ بِالْبَيْتِ وَلَمْ يَذْكُرِ الصَّفَا حَتَّى ذَكَرَ ذَلِكَ بَعْدَ مَا ذَكَرَ الطَّوْفَ بِالْبَيْتِ

Maksud: Al-Zuhriy menceritakan bahawa 'Urwah berkata, "Aku bertanya kepada 'Aisyah RA, kataku kepadanya, "Bagaimana pendapatmu tentang firman Allah SWT (surah al-Baqarah, 2:158) yang ertinya, "Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersai (berjalan dengan berulang-alik) di antara kedua-duanya" dan demi Allah tidak ada dosa bagi seseorang untuk tidak bertawaf (sai) antara bukit al-Safa dan al-Marwah." 'Aisyah RA berkata, "Buruk sekali apa yang kamu katakan itu wahai anak saudariku. Sesungguhnya ayat ini bila tafsirannya menurut pendapatmu tadi bererti tidak berdosa bila ada orang yang tidak melaksanakan sai antara kedua-duanya. Akan tetapi ayat ini turun berkenaan dengan kaum Ansar, yang ketika mereka belum masuk Islam, mereka berniat haji untuk patung Manat Sang Toghut yang mereka sembah di daerah al-Mushallal. Waktu itu, barangsiapa yang berniat haji, dia merasa berdosa bila harus sai antara bukit al-Safa dan al-Marwah (kerana demi menghormati patung mereka itu). Setelah mereka masuk Islam, mereka bertanya kepada Rasulullah SAW tentang masalah itu, mereka berkata, "Wahai Rasulullah, kami merasa berdosa bila melaksanakan sai antara bukit al-Safa dan al-Marwah." Maka kemudian Allah SWT menurunkan ayat, "Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah." 'Aisyah RA berkata, "Sungguh Rasulullah SAW mencontohkan sai antara kedua bukit tersebut dan tidak boleh seorangpun untuk meninggalkannya". Kemudian aku kabarkan hal ini kepada Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman, maka katanya, "Sungguh ini suatu ilmu yang aku belum pernah mendengar sebelumnya, padahal aku sudah mendengar dari orang ahli ilmu yang menyebutkan bahwa diantara manusia, selain orang yang diterangkan oleh 'Aisyah radliallahu 'anha itu, ada yang dahulu melaksanakan ihram untuk Manat, mereka juga melaksanakan sai antara bukit

al-Safa dan al-Marwah. Ketika Allah menyebutkan tawaf di Kaabah Baitullah tapi tidak menyebut sai antara bukit al-Safa dan al-Marwah dalam al-Quran, mereka bertanya kepada, "Wahai Rasulullah, dahulu kami melaksanakan tawaf (sai) antara bukit al-Safa dan al-Marwah dan Allah menurunkan ayat tentang tawaf di Kaabah Baitullah tanpa menyebut al-Safa, apakah berdosa bagi kami bila kami sai antara bukit al-Safa dan al-Marwah?" Maka Allah SWT menurunkan ayat, "Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah." Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman berkata, "Maka aku mendengar bahwa ayat ini turun untuk dua golongan orang, iaitu golongan orang yang merasa berdosa kerana pernah melaksanakan sai antara bukit al-Safa dan al-Marwah saat mereka masih jahiliyyah (kerana pernah melaksanakan untuk patung Manat), dan golongan orang yang pernah melaksanakannya namun merasa berdosa bila melaksanakannya kembali setelah masuk Islam kerana Allah pada mulanya hanya menyebutkan tawaf di Kaabah Baitullah dan tidak menyebut al-Safa hingga kemudian Dia menyebutkannya setelah memerintahkan tawaf di Kaabah Baitullah."

(Al-Bukhari)

Dalam riwayat yang lain juga ada menyatakan (Al-Bazzar, 2009: 6477; 'Abd bin Humaid, 1988: 1226):

عَنْ عَاصِمٍ قَالَ: سَأَلْتُ أَنَسًا عَنِ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَقَالَ: كَانَتَا مِنْ مَشَاعِرِ الْجَاهِلِيَّةِ فَلَمَّا جَاءَ الْإِسْلَامُ أَمْسَكْنَا عَنْهُمَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ: ﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ، أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطُوفَ بِهِمَا﴾.

Maksud: 'Asim bin Sulaiman yang menyatakan bahawa ia pernah, bertanya kepada Anas RA tentang masalah Safa dan Marwah. Maka Anas RA menjawab, "Pada mulanya kami menganggap termasuk perkara Jahiliyah. Ketika Islam datang, maka kami berhenti melakukan tawaf antara kedua-duanya. Maka Allah menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah bahagian dari syiar Allah." (Surah al-Baqarah, 2: 158)

(Al-Bazzar dan 'Abd bin Humaid)

Imam Al-Qurtubi, M. (1964: 179) menyebutkan dalam kitab tafsirnya tentang kata-kata Ibnu 'Abbas RA yang menyatakan bahawa syaitan menyebar antara Safa dan Marwah di sepanjang malam, antara kedua-duanya banyak terdapat berhala. Ketika Islam datang, mereka bertanya kepada Rasulullah SAW tentang melakukan sai antara kedua-duanya, maka turunlah ayat ini (Surah al-Baqarah, 2: 158). Sedangkan al-Sya'bi menyatakan, "Dahulu berhala Isaf berada di atas Safa, dan berhala Nailah berada di atas Marwah. Mereka selalu mengusap kedua-duanya. Akhirnya mereka merasa berdosa sesudah masuk Islam untuk melakukan tawaf antara kedua-duanya. Maka turunlah ayat ini (Surah al-Baqarah, 2: 158).

Menurut Ibn al-Kathir (1998: 1/341), Muhammad bin Ishaq menyebutkan dalam kitab Sirah-nya bahawa berhala Isaf dan Nailah pada mulanya adalah dua orang manusia (lelaki dan perempuan), lalu kedua-duanya berzina di dalam Kaabah, maka kedua-duanya dikutuk menjadi batu. Kemudian orang Quraisy memancang kedua-duanya dekat Kaabah untuk dijadikan sebagai pelajaran bagi orang lain. Ketika masa berlalu cukup lama, kedua-duanya disembah, kemudian letaknya dipindahkan ke Safa dan Marwah, lalu kedua-duanya dipancang di tempat tersebut. Setiap orang yang melakukan tawaf (sai) antara Safa dan Marwah selalu mengusap kedua-duanya.

Di dalam kitab Sahih Muslim disebutkan melalui hadis Jabir yang cukup panjang, bahawa ketika Rasulullah SAW selesai dari tawafnya di Baitullah, maka baginda kembali ke rukun, lalu mengusapnya, kemudian keluar dari pintu Safa seraya membacakan firman Allah SWT yang bermaksud, “Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian dari syiar Allah. (Surah *al-Baqarah*, 2: 158). Kemudian Baginda SAW bersabda (Muslim, t.th.: 1218):

أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ.

Maksud: *Aku memulai dengan apa yang dimulai oleh Allah (yakni dari Safa ke Marwah).*

(Muslim)

Dalam riwayat yang lain pula, Jabir RA meriwayatkan sabda Rasulullah (Al-Nasa’i, 1986: 2962):

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ، فَاْبْدَعُوا بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ

Maksud: *Sesungguhnya al-Safa dan Marwah merupakan syiar Allah! Oleh itu, mulailah oleh kamu dengan apa yang dimulai oleh Allah!*

(Al-Nasa’i)

Kewajipan bersai juga berdasarkan dalil hadis berikut (Ahmad, 2001: 27368):

عَنْ حَبِيبَةَ بِنْتِ أَبِي تَجْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: «رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَطُوفُ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ، وَالنَّاسُ بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُوَ وَرَاءَهُمْ، وَهُوَ يَسْعَى حَتَّى أَرَى رُكْبَتَيْهِ مِنْ شِدَّةِ السَّعْيِ يَدُورُ بِهِ إِزَارُهُ، وَهُوَ يَقُولُ: «اسْعَوْا فَإِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ السَّعْيَ.»

Maksud: *Habibah binti Abu Tajrah yang menceritakan, “Aku melihat Rasulullah SAW sai antara al-Safa dan al-Marwah, sedangkan orang berada di bahagian depannya dan baginda di belakang mereka seraya bersai, hingga aku melihat kedua lututnya kerana sainya yang bersungguh-sungguh hingga kain sarungnya berputar seraya menyatakan, “Bersailah kamu, kerana sesungguhnya Allah memfardukan sai atas kamu.”*

(Ahmad)

Juga bersandarkan hadis berikut (Ahmad, 2001: 27463):

عَنْ صَفِيَّةَ بِنْتِ شَيْبَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ امْرَأَةً أَخْبَرَتْهَا أَنَّهَا سَمِعَتْ النَّبِيَّ ﷺ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ يَقُولُ: «كُتِبَ عَلَيْكُمُ السَّعْيُ فَاسْعَوْا.»

Maksud: *Safiyah binti Syaibah, bahawa ada seorang wanita menceritakan kepadanya; dia pernah mendengar Nabi SAW antara Safa dan Marwah menyerukan, “ difardukan atas kamu sai. Oleh kerana itu, bersailah kamu!*

(Ahmad)

Semua hadis ini dijadikan dalil oleh orang yang menyatakan bahawa sai antara Safa dan Marwah merupakan salah satu dari rukun ibadah haji, seperti yang dikatakan oleh mazhab Syafi'i dan para pengikutnya. Begitu juga menurut salah satu riwayat dari Imam Ahmad. Selain itu amalan ini merupakan pendapat yang terkenal dari Imam Malik. Namun terdapat pendapat yang menyatakan sai bukan rukun haji, tetapi hukumnya wajib. Oleh kerana itu, barang siapa yang meninggalkannya sama ada dengan sengaja atau lupa, maka dia perlu menggantinya dengan menyembelih korban. Pendapat ini merupakan salah satu riwayat dari Imam Ahmad dan dijadikan pegangan oleh segolongan ulama.

Menurut pendapat yang lain, sai hukumnya sunat. Hal ini dikatakan oleh Imam Abu Hanifah, al-Thawri, al-Sya'bi, dan Ibnu Sirin yang bersumberkan dari riwayat Anas, Ibnu Umar, dan Ibnu Abbas; juga diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitab al-'Utabiyyah. Menurut Imam (Al-Qurtubi, M. A., 2003: 2/183), alasan mereka menyatakannya sunat berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

Maksud: *Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. (158)*

(Surah al-Baqarah, 2: 158)

Akan tetapi, pendapat yang pertama lebih kuat kerana Rasulullah SAW melakukan sai antara kedua-duanya seraya bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu al-Zubayr (Al-Tabrani, 1984: 908):

لِتَأْخُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

Maksud: *Hendaklah kamu mengambil dariku manasik kamu.*

(Al-Tabrani)

Semua yang dilakukan oleh Nabi SAW dalam hajinya itu hukumnya wajib dan harus dikerjakan dalam ibadah haji, kecuali hal yang dikecualikan berdasarkan dalil. Dalam keterangan terdahulu disebutkan sabda Nabi SAW yang menyatakan (Ahmad, 2001: 27368):

اسْعَوْا فَإِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ السَّعْيَ

Maksud: *Bersailah kamu! Kerana sesungguhnya Allah memfardukan sai atas kamu.*

(Ahmad)

Dalam masa yang sama, Allah SWT menjelaskan bahawa sai antara Safa dan Marwah termasuk salah satu syiar-Nya, yakni salah satu syiar yang disyariatkan oleh-Nya kepada Nabi Ibrahim AS dalam manasik haji. dijelaskan pula dalam hadis Ibnu Abbas bahawa asal mula hal tersebut diambil dari tawaf Siti Hajar, ia pulang pergi antara Safa dan Marwah dalam rangka mencari air untuk putranya ketika persediaan air dan bekal mereka habis setelah mereka ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim AS di tempat tersebut. Sedangkan di

tempat itu tidak ada seorang manusia pun selain mereka berdua. Ketika Siti Hajar merasa bimbang terhadap kelangsungan hidup putranya di tempat itu kerana perbekalannya habis, maka Siti Hajar meminta pertolongan kepada Allah SWT. Ia berulang-alik antara Safa dan Marwah seraya merendahkan diri, penuh dengan rasa takut kepada Allah SWT dan sangat mengharapkan pertolongan-Nya, hingga Allah SWT membebaskannya dari kesusahannya itu. Lalu Allah SWT menjauhkannya daripada rasa keterasingannya, melenyapkan kesengsaraannya, serta menganugerahkan kepadanya zamzam yang airnya merupakan makanan yang mengenyangkan dan ubat penawar bagi segala penyakit. Oleh kerana itu, orang yang melakukan sai antara Safa dan Marwah hendaknya melakukannya dengan hati yang penuh harap kepada Allah SWT. Merasa rendah diri dan memohon petunjuk serta perbaikan keadaannya, dan mengharapkan ampunan-Nya. Dia juga hendaknya berlindung kepada Allah SWT agar dibebaskan dari semua kekurangan dan aib yang ada pada dirinya, dan memohon hidayah-Nya ke atas jalan yang lurus. Dia juga hendaknya memohon kepada Allah agar hatinya ditetapkan pada hidayah dalam Islam hingga ke akhir hayatnya. Dia juga hendaknya memohon kepada Allah SWT agar Dia mengalihkan keadaan dirinya yang penuh dengan dosa dan kederhakaan kepada keadaan yang sempurna, ampunan, keteguhan hati dalam menempuh jalan yang lurus, seperti apa yang dialami oleh Siti Hajar AS.

Selepas itu, Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/342) menyambung perbincangan tafsir dalam firman Allah SWT berikut:

وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا

Maksud: *Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 158)

Imam Al-Razi (1999: 4/134), Tatawwu' dalam ayat ini mempunyai beberapa pendapat seperti berikut:

- (1) Melakukan sai lebih dari yang diwajibkan, misalnya delapan kali putaran atau sembilan kali putaran.
- (2) Melakukan sai antara Safa dan Marwah dalam haji tatawwu' (sunat) dan umrah tatawwu'.
- (3) Melakukan tambahan kebaikan dalam semua jenis ibadah.

Semuanya diriwayatkan oleh, dan pendapat yang ketiga dikaitkan dengan al-Hasan al-Basri.

Setelah itu, Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/342) menyambung perbincangan tafsir dalam potongan firman Allah SWT berikut:

فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٥٨﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. (158)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 158)

Yakni Allah memberi pahala kepada amal yang sedikit dan amal yang banyak kepada sesiapa sahaja yang melakukannya, lagi Maha Mengetahui kadar pahala yang diberikan-

Nya, maka tiada seorang pun dirugikan dalam menerima pahala dari-Nya. Seperti yang disebutkan dalam firman lainnya, iaitu:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِن تَكَ حَسَنَةً يُّضَعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا

عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat zarah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar. (40)*

(Surah al-Nisa', 4: 40)

Oleh itu, sayugia para hamba mengambil kesempatan yang ada untuk meningkatkan amalan mereka. Hal ini kerana, setiap amalan mereka sentiasa dalam pengetahuan Allah SWT untuk dibalasi dengan sebaik-baiknya.

Surah al-Baqarah (2: 159-162)

Setelah Allah SWT menjelaskan tentang amalan haji khususnya amalan sai sama ada yang wajib dan sunat, Allah SWT sekali lagi memberi peringatan buat ulama ahli Kitab malapetaka terbesar mereka sebenarnya jika mereka mati dalam keadaan kafir tidak beriman kepada Allah SWT dan tidak berada dalam agama Islam serta menyembunyikan kebenaran ajaran Islam sedangkan mereka mengetahui. Firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي

الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعْنُونَ ﴿١٥٩﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنَّوْا

فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ

كُفَّارًا أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾ خَالِدِينَ فِيهَا لَا

يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿١٦٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan dan petunjuk bidadiah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. (159) Kecuali orang yang bertaubat, dan memperbaiki (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (160) Sesungguhnya orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya. (161) Mereka kekal dalam laknat itu, tidak diringankan azab sengsara dari mereka dan mereka pula tidak diberikan tempoh atau perhatian. (162)*

(Surah al-Baqarah, 2: 159-162)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/342), ancaman yang keras buat orang yang menyembunyikan apa yang disampaikan oleh rasul berupa keterangan yang jelas yang bertujuan benar serta petunjuk yang bermanfaat bagi umat manusia, sesudah dijelaskan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya melalui kitab yang diturunkan kepada para rasul-Nya.

Abu al-'Aliyah menyatakan bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan orang Ahli Kitab. Mereka menyembunyikan sifat Nabi Muhammad SAW. Kemudian Allah SWT memberitahukan bahawa segala sesuatu melaknat perbuatan mereka itu sebagaimana halnya orang yang alim bahawa segala sesuatu memohonkan keampunan untuknya, hingga ikan yang ada di air dan burung yang ada di udara. Sikap mereka (ahli Kitab) bertentangan dengan sikap para ulama. Oleh kerana itu, mereka dilaknat oleh Allah, dan segala sesuatu ikut melaknat mereka. Terdapat banyak hadis yang menjadi hujah tentang dosa dan azab kepada para ulama dan ahli Kitab yang menyembunyikan ilmu pengetahuan dan kebenaran. Antaranya hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 3658; Ibn Majah, 2009: 266):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ سَتَلَ عَنْ عِلْمٍ فَكَتَمَهُ أَجْمَهُ اللَّهُ بِلِجَامٍ مِنْ نَارِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa yang ditanya mengenai suatu ilmu, lalu ia menyembunyikannya, nescaya dia akan disumbat kelak pada hari kiamat dengan tali kendali dari api neraka.*

(Abu Dawud dan Ibn Majah)

Oleh kerana itu, Abu Hurairah sendiri menegaskan dalam satu athar (Al-Bukhari, 2001: 118):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: "إِنَّ النَّاسَ يَقُولُونَ أَكْثَرَ أَبُو هُرَيْرَةَ، وَلَوْلَا آيَتَانِ فِي كِتَابِ اللَّهِ مَا حَدَّثْتُ حَدِيثًا، ثُمَّ يَتْلُو ﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ﴾ إِلَى قَوْلِهِ ﴿الرَّحِيمُ﴾.

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Sesungguhnya manusia berkata-kata, "Abu Hurayrah paling banyak (meriwayatkan hadis). seandainya jika tidak ada dua ayat dalam Kitabullah ini, nescaya aku tidak akan menceritakan apa pun hadis kepada orang lain." Kemudian beliau membaca ayat yang bermaksud, "Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan" sehingga firman Allah SWT yang bermaksud, "Akulah Yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (160). (Surah al-Baqarah, 2: 159-160).*

(Al-Bukhari)

Selain dosa dan seksa yang pedih kerana menyembunyikan kebenaran. Dosa kerana mati menjadi kafir juga digambarkan oleh hadis sepertimana hadis berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 1444):

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي جَنَازَةٍ، فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: «إِنَّ الْكَافِرَ يُضْرَبُ ضَرْبَةً بَيْنَ عَيْنَيْهِ فَيَسْمَعُهُ كُلُّ دَابَّةٍ غَيْرِ الثَّقَلَيْنِ،

فَتَلَعْنَهُ كُلُّ دَابَّةٍ سَمِعَتْ صَوْتَهُ. فَذَلِكَ قَوْلُ اللَّهِ ﷻ: ﴿أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ
اللَّاغِنُونَ﴾ يَعْنِي: دَوَابَّ الْأَرْضِ.

Maksud: *Al-Barra bin Azib yang menceritakan, "bahawa kami pernah bersama Nabi SAW menghadiri suatu jenazah, maka Baginda SAW bersabda, "Sesungguhnya orang kafir akan dipukul sekali pukul antara kedua matanya; semua makhluk hidup mendengar (jeritan)nya selain manusia dan jin, maka semua haiwan yang mendengar suaranya melaknatnya. Yang demikian itu adalah firman Allah SWT, "Mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati!" (Surah al-Baqarah, 2: 159), yakni semua haiwan bumi."*

(Ibn Abi Hatim)

Bahkan menurut Ibn Abi Hatim (1998: 1449), Mujahid pernah menyatakan bahawa apabila bumi mengalami kemarau panjang, maka semua haiwan menyatakan, "Hal ini semua akibat orang yang derhaka dari kalangan Bani Adam, semoga Allah melaknat orang derhaka dari Bani Adam." Manakala Abu al-'Aliyah, al-Rabi' bin Anas, dan Qatadah menyatakan berhubung dengan takwil firman Allah SWT yang bermaksud, "Mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk." (Surah *al-Baqarah*, 2: 159) Yakni mereka dilaknati oleh para malaikat dan orang Mukmin.

Telah disebutkan dalam sebuah hadis bahawa orang yang alim itu dimintakan ampunan baginya oleh segala sesuatu sehingga ikan yang ada di laut memintakan ampunan buatnya. Manakala dalam ayat ini (*Al-Baqarah*, 2: 159) disebutkan bahawa orang yang menyembunyikan ilmu akan dilaknat oleh Allah, para malaikat, seluruh manusia, dan semua makhluk yang dapat melaknati. Mereka adalah semua makhluk yang dapat berbicara dan yang tidak dapat bicara, baik dengan lisan ataupun dengan perbuatan, jika makhluk itu termasuk yang berakal pada hari kiamat. Kemudian Allah SWT mengecualikan dari mereka orang yang bertaubat kepada-Nya. Untuk itu Allah SWT berfirman:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُّوا

Maksud: *Kecuali orang yang bertaubat, dan memperbaiki (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 160)

Iaitu mereka kembali sedar dari apa yang sebelumnya mereka lakukan dan mahu memperbaiki amal perbuatannya serta menjelaskan kepada orang semua apa yang sebelumnya mereka sembunyikan. Maka golongan ini termasuk dalam golongan yang Allah SWT sebut dalam firman-Nya:

فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾

Maksud: *Maka orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (160)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 160)

Di dalam ayat ini terkandung pengertian bahawa orang yang menyeru kepada kekufuran atau bidaah, apabila ia bertaubat kepada Allah SWT, nescaya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya disebutkan bahawa umat terdahulu yang melakukan perbuatan seperti itu, taubat mereka tidak diterima kerana sesungguhnya hal ini merupakan kekhususan bagi syariat Nabi pembawa taubat, iaitu Nabi pembawa rahmat; semoga salawat dan salam Allah terlimpahkan kepadanya.

Kemudian Allah SWT menceritakan keadaan orang yang kafir dan tetap pada kekafirannya hingga ia mati, melalui firman Allah:

عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾ خَالِدِينَ فِيهَا

Maksud: *Mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya. (161) Mereka kekal dalam laknat itu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 161-162)

Maksudnya, laknat terus mengikuti mereka sampai hari kiamat, kemudian laknat mengiringinya di dalam neraka Jahanam yang tidak diringankan siksa dari mereka di dalamnya. Dengan kata lain, siksaan yang menimpa mereka tidak dikurangi, tidak pula mereka diberi tangguh; yakni tidak ada perubahan barang sekejap pun, tidak pula ada henti-hentinya, bahkan siksaan terus-menerus berlangsung terhadap dirinya. Semoga Allah melindungi kita dari siksaan tersebut. Abu al-'Aliyah dan Qatadah menyatakan, sesungguhnya orang kafir itu akan dihentikan pada hari kiamat, lalu Allah melaknatnya, kemudian para malaikat melaknatnya pula, setelah itu manusia seluruhnya melaknatnya.

Tidak ada perselisihan pendapat dalam kalangan ulama mengenai masalah boleh melaknat orang kafir. Sesungguhnya dahulu Khalifah Umar bin al-Khattab RA serta para imam sesudahnya melaknati orang kafir dalam doa qunut mereka dan doa lainnya.

Mengenai orang kafir tertentu, ada segolongan ulama yang berpendapat tidak boleh melaknatnya, dengan alasan bahawa umat Islam sendiri belum mengetahui penyudah mereka, apakah yang dikehendaki oleh Allah buatnya? Sebahagian ulama memperbolehkan demikian dengan berdalilkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya. (161)" (Surah *al-Baqarah*, 2: 161). Segolongan ulama lainnya berpendapat, bahkan boleh melaknati orang kafir yang tertentu. Pendapat ini dipilih oleh al-Faqih Abu Bakar bin al-Arabi al-Maliki, tetapi dalil yang dijadikan pegangannya adalah sebuah hadis yang dalamnya mengandung kedaifan. Sedangkan selain Abu Bakar bin al-Arabi berdalilkan sabda Rasulullah SAW dalam riwayat Ibn 'Umar dalam kisah seorang lelaki pemabuk yang dihadapkan kepadanya, lalu baginda menjatuhkan hukuman hati terhadapnya. Kemudian ada seorang lelaki (lain) yang menyatakan, "Semoga Allah melaknatinya, alangkah besar dosa yang dilakukannya." Maka Rasulullah SAW bersabda (Al-Bazzar, 2009: 269):

لَا تَلْعَنُهُ فَإِنَّهُ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ.

Maksud: *Janganlah engkau melaknatinya, kerana sesungguhnya dia mencintai Allah dan Rasul-Nya.*

(Al-Bazzar)

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa orang yang tidak mencintai Allah dan Rasul-Nya boleh dilaknati dan sebaliknya.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat tiga pengajaran ayat yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu syiar Islam dalam amalan sai haji dan umrah; dosa menyembunyikan ilmu dan kebenaran; serta azab sebagai seorang yang derhaka dan kafir kepada Allah SWT.

Syiar Islam dalam Amalan Sai Haji dan Umrah

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui dan memahami bahawa salah satu syiar Islam yang penting lagi fardu (Ahmad, 2001: 27463) dalam haji dan umrah ialah amalan sai, iaitu tawah antara Bukit Safa dan Marwah sebelum disempurnakan rukun Umrah atau sebagai salah satu kesempunaan rukun haji dengan menggungting rambut atau mencukurnya. Amalan ini merupakan satu syiar Islam yang berpahala (surah *al-Baqarah*, 2: 158; Ibn al-Kathir 1999: 1/469; Al-Bukhari, 2001: 1643).

Amalan sai ini pada masa Jahiliyyah yang diamalkan oleh orang Ansar sudah dicampur adukkan dengan amalan penyembahan berhala al-Manat yang diletakkan antara kedua-dua bukit Safat dan Marwah (Al-Bukhari, 2001: 1643; Al-Bazzar, 2009: 6477; ‘Abd bin Humaid, 1988: 1226) atau Isaf yang diletakkan di bukit Safa dan Nailah di Bukit Marwah (Al-Qurtubi, M., 1964: 179). Kedua-dua patung ini pada asalnya adalah dua orang lelaki dan wanita yang berzina dalam Kaabah yang disumpah menjadi batu. Orang Quraish pada asalnya meletakkan di Kaabah sebagai pengajaran. Pada akhirnya kedua-dua batu ini disembah oleh orang Arab Jahiliyyah dan mereka memindahkan kedua-dua kepada kedua-dua bukit. Orang ramai akan datang mengusap kedua-dua patung ini ketika melakukan sai (Ibn al-Kathir, 1998: 1/341). Allah SWT mengambalikan semula amalan ini mengikut syariat sebenar yang diwajibkan ketika melakukan haji dan umrah (Al-Bukhari, 2001: 1643; Al-Bazzar, 2009: 6477; ‘Abd bin Humaid, 1988: 1226).

Amalan sai ini mengambil sempena kelakuan Siti Hajar yang berulang alik di antara kedua-dua bukit ketika di ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim AS bersama anaknya sehingga bantuan Allah SWT datang kepada mereka berdua ketika Siti Hajar mula menyerahkan sepenuhnya keyakinannya kepada Allah SWT dan bermohon kepada-Nya (Jasmi, 2019i, 2019j). Kefarduan syiar sai ini dengan melaksanakannya seperti berikut:

- (1) Memulakan sai daripada bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah sebagaimana al-Quran menyebut bukit Safa dahulu barulah bukit Marwah (Muslim, t.th.: 1218; Al-Nasa’i, 1986: 2962).
- (2) Dilakukan sebanyak tujuh pusingan.
- (3) Bertawajjuh kepada Allah SWT (Ahmad, 2001: 27368), merendah diri kepada-Nya, serta rasa takut dan harap kepada-Nya dengan memohon hidayah-Nya (Ibn al-Kathir, 1998: 1/342) sebagaimana bertawajjuhnya Siti Hajar kepada-Nya dalam berdoa dan memohon pertolongan-Nya (Jasmi, 2019i, 2019j).
- (4) Hukum bersai ini ada tiga:
 - (a) Mazhab Syafie dan pendapat paling kuat: Tertinggal melakukan Sai bagi menyebabkan tidak sempurna Haji (Ahmad, 2001: 27463, 27368; Al-Tabrani, 1984: 908).
 - (b) Bagi Mazhab Maliki dan salah satu pendapat daripada mazhab Imam Hanbal bahawa amalan sai merupakan amalan wajib haji, meninggalkan amalan ini menyebabkan pengamalannya dikenakan dam, iaitu menyembelih korban.

- (c) Imam Abu Hanifah, al-Thawri, al-Sya'bi, dan Ibnu Sirin: Sai merupakan amalan sunat berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* (2: 158)
- (5) Amalan sai digalakkan juga untuk dilakukan juga dalam haji sunnat dan umrah sunat (Al-Razi, 1999: 4/134).
- (6) Setiap amalan sai wajib dan juga amalan yang lain serta setiap amalan sunat sai dan juga amalan sunat yang lain akan dibalas oleh Allah SWT dengan pahala (surah *al-Baqarah*, 2: 158; surah *al-Nisa'*, 4: 40).

Terbukti bahawa amalan sai di antara bukit Safa dan Marwah merupakan salah satu syiar Islam dan menjadi rukun haji dan umrah. Umat Islam dituntut untuk melaksanakannya sebagaimana falsafah amalan Siti Hajar RA, iaitu menjadikan Allah SWT tempat segala pergantungan, harapan, dan doa dalam kehidupan.

Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran

Umat manusia wajib mengetahui, memahami, dan mengaplikasikan dalam hidup untuk menyebarkan pengetahuan dan kebenaran yang diketahuinya dan tidak menyembunyikannya. Hal ini kerana orang yang menyembunyikan ilmu pengetahuan dan kebenaran, mereka akan dilaknat oleh Allah SWT (Surah *al-Baqarah*, 2: 159-162) para malaikat, umat manusia, dan segala makhluk Allah SWT yang lain. Namun, taubat menyembunyikan ilmu pengetahuan dan kebenaran tetap terbuka untuk diterima oleh Allah SWT selagi nyawa dikandung badan dan selepas bertaubat tersebut mereka mula menyebarkan pengetahuan dan kebenaran (surah *al-Baqarah*, 2: 160).

Mereka dilaknat sebagaimana terlaknatnya ulama Yahudi yang menyembunyikan kebenaran Nabi Muhammad SAW dan ajaran Islam kepada kaum Yahudi dan umat manusia (Jasmi, 2019c, 2019d, 2019m, 2019e, 2019f, 2019g, 2019h, 2019k, 2019l). Mereka yang menyembunyikan kebenaran adalah berdosa dan akan diazab oleh Allah SWT di alam akhirat di dalam neraka dengan azab yang khusus (Abu Dawud, 2009: 3658; Ibn Majah, 2009: 266).

Sebaliknya pula, orang yang menyebarkan pengetahuan dan kebenaran yang dimiliki mereka beroleh manfaat dalam bentuk makhluk Allah SWT di daratan, di lautan, dan di udara akan mendoakan keampunan untuknya (Ibn al-Kathir, 1998: 1/342).

Salah satu sebab mengapa Abu Hurairah banyak meriwayatkan hadis kerana beliau berpegang kepada ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 159-160) agar menyebarkan pengetahuan yang dimiliki olehnya kerana beliau banyak masa bersama Rasulullah SAW sedangkan beliau takut orang ramai mencercanya disebabkan beliau baru sahaja memeluk Islam berbanding dengan sahabat Nabi yang lain dalam kalangan ulama (Al-Bukhari, 2001: 118).

Azab Sebagai Seorang yang Derhaka dan Kafir kepada Allah SWT

Umat manusia wajib mengetahui dan memahami tentang janji azab yang diberitakan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW jika mereka derhaka kepada-Nya dan mati dalam keadaan kafir. Mereka bukan sahaja diazab di dunia bahkan mereka akan diazab di dalam neraka. Bagi orang kafir mereka di azab di dalam neraka dengan azab yang abadi bahkan di alam barzakh lagi sebaik sahaja mereka mati, mereka diazab dengan azab yang pedih (Ibn Abi Hatim, 1998: 1444, 1449).

Orang yang menderhaka kepada Allah SWT menyebabkan Allah SWT menimpakan azab di bumi. Azab ini tempiasnya dirasakan juga dalam kalangan makhluk yang lain sehingga mereka melaknat orang yang melakukan penderhakaan dan dosa kepada Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 159; Ibn Abi Hatim, 1998: 1449).

Orang kafir yang mati dalam keadaan tidak beriman mereka juga ketika matinya akan dilaknat oleh Allah SWT, para malaikat dan umat manusia (surah *al-Baqarah*, 2: 161-162). Ketika mereka ditempatkan dalam kubur, mereka akan dipukul dalam kuburnya di dahinya. Jeritan kesakitan akibat dipukul tersebut boleh didengari oleh semua makhluk melainkan jin dan manusia (Ibn Abi Hatim, 1998: 1444). Ketika jeritan ini didengar oleh makhluk Allah SWT, maka mereka melaknat orang kafir yang disiksa tersebut (surah *al-Baqarah*, 2: 159). Hal ini bermaksud, orang kafir sewaktu matinya dilaknat, ketika dalam kubur dilaknat dan sehingga dimasukkan ke dalam api neraka juga mereka tetap dilaknat.

Umat Islam yang masih hidup pada dasarnya tidak boleh melaknat orang yang derhaka dan orang kafir yang masih hidup di dunia ini sekalipun terdapat ayat yang menggambarkan mereka dilaknat oleh binatang di dunia ini (Al-Bazzar, 2009: 269). Hal ini kerana, diri umat Islam sendiri mereka tidak tahu kesudahan mereka. Oleh itu, jika ternampak orang yang derhaka, mereka perlu membimbing golongan ini tanpa membenci orangnya sekalipun perbuatan mereka dibenci dengan harapan mereka boleh kembali ke pangkal jalan. Manakala orang yang membimbing pula diharap menjadi sebab berkekalan hidayah dalam agama Islam ketika matinya.

RUJUKAN

- ‘Abd bin Humaid, Abu Muhammad. 1988. *Al-Muntakhab min Musnad ‘Abd bin Humaid*. Sabhi al-Badri Al-Samira’iy & Mahmud Muhammad Khalil Al-Sa’iidi (Ed.). Al-Qahirah: Maktabah al-Sunnah.
- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu’aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu’ay al-Arna’ut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa’ad, ‘Adil, & Sabri al-Shafi’i ‘Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami’ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nasa’i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. ‘Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami’ bayan al-ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad ‘Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1984. *Musnad al-Shamayyin*. Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, ‘Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim li bin Abi Hatim*. As’ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)*. Jld. Juz. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.


- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Adab Ketika Ditimpa Musibah: Surah al-Baqarah (2: 142-143)*. Kertas Kerja dalam Siri 28: Program Budaya al-Quran, 29hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Adab Ketika Ditimpa Musibah: Surah al-Baqarah (2: 151-157)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019f. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019g. *Islam Agama Semua Umat Dengan Syariat Yang Berbeza: Surah a-Baqarah (2: 136-141)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 8hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019h. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat Yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019i. *Jasa Pengorbanan Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 123-129)*. Jld. 1-23. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019j. *Jasa Pengorbanan Nabi Ibrahim AS: Surah al-Baqarah (2: 124-129)*. Kertas Kerja dalam Siri 25: Program Budaya al-Quran, 11hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019k. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-143)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019l. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-150)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 15hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019m. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019n. *Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-162)*. Kertas Kerja dalam Siri 29: Program Budaya al-Quran, 5hb September 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019o. *Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah al-Baqarah (2: 158-167)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti artikel, sumbangan bab dalam artikel, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah artikel karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM.

SURAT JEMPUTAN



Tel: +(6)07-5537501/ 37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel: msi@utm.my

RUJUKAN KAMI : UTM.J.01.08/10.14/2 (8)

12 Mac 2019

RUJUKAN TUAN :

5 Rejab 1440H

Dr. Mohd Nasir bin Masroom
 Dr. Naemah binti Hamzah
 Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip
 Ustaz Mohamad Firdaus bin Pazim@Fadzim
 Ustaz Panji Alam bin Mazhisham
 Ustaz Mohd Yusoff bin Mohd Rawi
 Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah
Pusat Islam
UTM Johor Bahru



Prof. Madya. Dr. Jima'ain bin Safar
 Prof. Maya. Dr. Ahmad Kilan@Ahmad Kilani bin Mohamed
 Ptof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad
 Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi
 Dr. Nurazmallail bin Marni
 Dr. Idris bin Ismail
 Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed
 Dr. Zulkiflee bin Haron
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
UTM Johor Bahru

Dr. Aminudin bin Hehsan
 Dr. Mohd Nasir bin Ripin
Centre of Research for Fiqh Science & Technology (CFIRST UTM)
UTM Johor Bahru

Ustaz Juhazreen bin Junaidi
Sekolah Pendidikan
UTM Johor Bahru



Saudara,

**PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN
 PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Malaysia.

3. Pihak Universiti juga telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula jam 08:15 pagi hingga 9:15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014**.

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih. *Wassalam*.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA. DR. AMINUDDIN BIN RUSKAM

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

☎ 07-55 37500

✉ al-dawamy@utm.my